

# MCA bekerjasama dengan warga UPM bantu komuniti

## 100 penduduk jalani ujian saringan kesihatan

SERDANG - Seramai 100 penduduk sekitar Seri Kembangan menyertai Program Saringan yang dianjurkan Jabatan Sains Bio-perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Hasil usaha sama dengan Pusat Perkhidmatan MCA Seri Kembangan itu ia memberi peluang penduduk menjalani ujian tekanan darah, ukuran berat badan dan mengetahui tahap kolesterol secara percuma.

Pasukan Fakulti Perubatan UPM berkenaan diketuai Profesor Dr Patimah Ismail dan 12 anggota untuk menjalankan program kesihatan itu.

Ketua Pusat Perkhidmatan dan Penyelarasannya Kawasan Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon, berkata, program yang pertama kali diadakan



● Seorang pegawai UPM memberi penerangan kepada peserta semasa program saringan.

ini memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada komuniti tempatan.

"Dengan adanya program ini ia dapat merapatkan hubungan komuniti Seri Kembangan dengan warga UPM.

"Pelbagai aktiviti untuk mempertingkatkan taraf sosial ekonomi dan kebudayaan Seri Kembangan akan tercapai melalui kerjasama dan perkhidmatan sosial dari pihak UPM," katanya.